



**PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)
JAWATANKUASA KERJA ASAS**

Rujukan : **ASAS-SU/Notis AGM/2021/03-07**

Tarikh : 03 Julai 2021

Presiden,
Timbalan dan Naib-Naib Presiden,
Bendahari, Ahli Jawatankuasa,
Juruaudit-Juruaudit dan
Ahli-ahli Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah

Y.Bhg. Tan Sri / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-37
PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS) ke-37 akan diadakan seperti berikut :-

Tarikh : 31 Julai 2021
Hari : Sabtu
Masa : 9.30 pagi
Tempat: Mesyuarat Atas Talian (*online meeting*)

3. Dengan segala hormatnya Y.Bhg. Tan Sri / Dato' / Datin / Tuan / Puan dijemput hadir.

Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut:-


1. Ucapan Presiden
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung ASAS kali ke-36
3. Membenteng dan meluluskan Laporan Tahunan ASAS 2020
4. Membenteng dan meluluskan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit
5. Lantikan AJK Kerja ASAS Sesi 2021-2023
6. Membincangkan usul bertulis, jika ada
7. Ucapan Penangguhan

Laporan Tahunan ASAS 2020 dan Penyata Kewangan berakhir pada 31 Disember 2020 yang telah diaudit akan diedarkan dalam masa terdekat.

4. Bersama ini juga disertakan **Borang Usul** dan **Borang Pencalonan AJK ASAS** bagi sesi 2021/2023 bagi tindakan lanjut semua ahli ASAS. Borang yang telah lengkap perlu dimajukan melalui email kepada Setiausaha Kehormat ASAS di junaizeemn@gmail.com sebelum atau pada 20 Julai 2021.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Mohd Junaizee Bin Mohd Noor

Setiausaha Kehormat
PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH

sk : Presiden ASAS

**BORANG USUL MESYUARAT AGONG TAHUNAN PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH
ALAM SHAH KALI KE 37 TAHUN 2020**

NAMA PEMBENTANG USUL	
NO AHLI / BATCH	
USUL	
ALASAN / FAKTA YANG MENYOKONG USUL	

*Sila gunakan helaian tambahan jika ruang tidak mencukupi

(Nama / Tanda tangan Pembentang usul)

Borang Usul ini hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kehormat ASAS pada atau sebelum 20 Julai 2021 melalui email di junaizeemn@gmail.com



PENCALONAN AHLI JAWATANKUASA KERJA ASAS (Dalam Mesyuarat Agung Tahunan ASAS)

PERATURAN DAN PANDUAN UMUM:

Setiap Pencalonan mesti mempunyai satu (01) orang Pencadang dan satu (01) orang Penyokong yang semestinya ahli ASAS. Pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis menggunakan borang rasmi yang telah ditentu-sediakan oleh ASAS dan hendaklah mengandungi:-

- a) Nama penuh seperti di dalam Kad Pengenalan, nombor Kad Pengenalan dan nombor keahlian ASAS Calon;
- b) Pekerjaan Calon;
- c) Jawatan yang hendak dicalonkan;
- d) Kenyataan persetujuan Calon untuk dicalonkan dan dipilih;
- e) Tanda tangan Calon serta nombor keahlian ASAS;
- f) Nama penuh Pencadang seperti dalam Kad Pengenalan, nombor Kad Pengenalan dan nombor keahlian ASAS;
- g) Apakah sumbangan Calon kepada ASAS sebelum ini;
- h) Hasrat sumbangan Calon kepada ASAS apabila dipilih secara ringkas boleh dinyatakan, jika perlu (*pilihan*);
- i) Nama penuh Penyokong pencalonan seperti dalam Kad Pengenalan, nombor Kad Pengenalan dan nombor keahlian ASAS;
- j) Tanda tangan serta nombor keahlian ASAS kedua-dua Pencadang dan Penyokong pencalonan;
- k) Tarikh pencalonan.

Pastikan setiap pencalonan mematuhi kriteria bagi jawatan yang dicalonkan.



PERSATUAN ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH (ASAS)

BORANG PENCALONAN AHLI JAWATANKUASA KERJA ASAS

(Mengikut Peraturan Pencalonan Pemilihan Jawatankuasa Kerja ASAS di bawah Fasal 14 (e)
(xv) Perlembagaan ASAS)

1. PENCADANG

SAYA:

NO. KAD PENGENALAN:

NO. KEAHLIAN ASAS:

Mencalonkan (*Nama penuh mengikut K/P*):

Nombor K/P:

Nombor keahlian ASAS:

Dipilih ke jawatan:

Untuk tempoh (01) penggal iaitu bagi sesi:

Saya mencalonkan beliau atas jasa dan khidmat yang telah beliau berikan kepada ASAS seperti berikut (*sila sertakan lampiran jika perlu*):-

DAN juga saya yakin bahawa jika dilantik beliau boleh membuat sumbangan kepada ASAS seperti berikut (*pilihan, sila sertakan lampiran jika perlu*):-

2. PENYOKONG

SAYA:

NO. KAD PENGENALAN:

NO. KEAHLIAN ASAS:

Menyokong pencalonan (*Nama*):

Dipilih ke jawatan:

Untuk tempoh bagi satu (01) penggal bagi sesi:

3. PENGESAHAN PENCALONAN

SAYA:

NO. KAD PENGENALAN:

NO. KEAHLIAN ASAS:

PEKERJAAN:

Dengan sukacita dan sukarela menerima pencalonan saya untuk dipilih ke:-

Jawatan:

Untuk tempoh bagi satu (01) penggal bagi sesi:

Saya juga mengaku tidak disabitkan melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia dan tidak diisytiharkan bankrap

Tanda tangan Calon:

No Keahlian ASAS:

Tarikh:

Tanda tangan Penyokong:

No Keahlian ASAS:

Tarikh:

<i>Diterima oleh</i>	<i>T/Tangan</i>	<i>Masa</i>	<i>Tarikh</i>

Peraturan dan Garis Panduan:

Mengikut Fasal 14 (e) (xv) Perlembagaan ASAS, penubuhan Jawatankuasa Pemilihan bagi mengendali dan menyelenggarakan pencalonan dan pemilihan Jawatan-jawatan dalam Jawatankuasa Kerja yang disebut dalam Fasal 12(h)(vi) bersama dengan peraturan dan garis panduannya.

1. Satu Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri dari ahli ASAS berdaftar dilantik oleh Jawatankuasa Kerja dengan diketuai oleh satu (01) orang Pengerusi dan dua (02) ahli biasa.
2. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan ini tidak layak dipilih atau dilantik ke mana-mana Jawatan dalam Jawatankuasa Kerja ASAS.
3. Jawatankuasa Pemilihan tersebut bertanggungjawab kepada Mesyuarat Agung Tahunan dan diberi semua kemudahan dan kebebasan menjalankan tugas secara adil dan saksama.
4. Setiap Pencalonan mesti dibuat secara bertulis menggunakan borang rasmi yang telah ditentu-sediakan oleh ASAS.
5. Borang Pencalonan yang telah sempurna diisi hendaklah dihantar kepada dan diterima oleh Setiausaha Kehormat ASAS tidak lewat daripada 10 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
6. Sebagai panduan umum, kriteria pencalonan mengikut jawatan-jawatan berikut mestilah dipatuhi:-
 - 6.1. Bagi jawatan Presiden mestilah pernah menganggotai Jawatankuasa Kerja ASAS bagi tempoh sekurang-kurangnya satu penggal.
 - 6.2. Bagi jawatan-jawatan lain, ia terbuka kepada semua ahli ASAS.
 - 6.3. Walau bagaimanapun Jawatankuasa Pemilihan dengan budi-bicara dan pertimbangannya serta dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja, kriteria ini boleh diubah-suai mengikut kesesuaian dan keperluan.
 - 6.4. Pengubah-suaian tersebut perlu dibuat terutamanya untuk memastikan Jawatan Kuasa Kerja dianggotai oleh ahli ASAS dari pelbagai kumpulan.
7. Setelah Borang Pencalonan diterima, Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pemilihan akan meneliti serta menentu-sahkan pencalonan.
8. Setelah disahkan, Setiausaha Kehormat ASAS akan serta-merta mempamerkan di tempat yang sesuai untuk diteliti oleh Ahli ASAS di pejabat ASAS atau di website atau lain-lain media yang difikirkan sesuai sehingga tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.
9. Borang yang tidak lengkap dan / atau tidak mengikut kriteria pencalonan akan ditolak.
10. Sebarang bantahan terhadap pencalonan hendaklah dibuat dan dihantar kepada dan diterima oleh Setiausaha Kehormat ASAS tidak lewat daripada 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
11. Setiap Calon dibenarkan untuk berkempen secara berhemah dengan apa jua cara sekalipun. Walau bagaimanapun penggunaan wang, peras-ugut, akujanji, serangan peribadi terhadap calon lawan atau apa-apa cara yang dianggap tidak beretika dan berhemah oleh Jawatankuasa Pemilihan adalah dilarang sama-sekali. Sekiranya laporan salah-laku diterima oleh Jawatankuasa Pemilihan dengan bukti yang kukuh dan didapati benar, pencalonan boleh ditolak dan jika telah terpilih, boleh digugurkan dari jawatannya dengan serta-merta.
12. Sebarang keputusan untuk penerimaan atau penolakan sesuatu pencalonan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad.
13. Sebarang penarikan diri pencalonan boleh dibuat dengan memberitahu Jawatankuasa Pemilihan samada secara bertulis atau lisan sehingga sebelum pengundian pemilihan dibuat semasa Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.
14. Pengundian pemilihan Jawatankuasa Kerja ASAS boleh dibuat dengan cara mengangkat tangan atau menggunakan kertas undian atau dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai mengikut ketetapan dan budi bicara Jawatankuasa Pemilihan.
15. Calon, Pencadang dan Penyokong hendaklah dari ahli ASAS sahaja.
16. Hanya ahli ASAS berdaftar sahaja yang layak mengundi.